

EDISI 2018



# BULETIN UNIT JKR KESEDAR

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK  
CERUN DI RKT PALOH 3**

*m/s: 11*

**IKRAR BEBAS  
RASUAH (IBR)**

*Peringkat Unit JKR KESEDAR*

*m/s: 15*

**MAJLIS PERASMIAN JALAN  
KG. BERDANG, JELI (FASA 2)**

*m/s: 36-38*

*“Pelanggan diutamakan, janji dikotakan”*

<http://www.unitjkrkesedar.gov.my>



# ISI KANDUNGAN

## ARKIB BULETIN

## MUKA SURAT

JANUARI	1-2
FEBRUARI	3-9
MAR	10-13
APRIL	14-17
MEI	-
JUN	-
JULAI	18-22
OGOS	23-24
SEPTEMBER	25-27
OKTOBER	28-32
NOVEMBER	33-39
DISEMBER	40-42
KEMAJUAN PROJEK	43-47

# SIDANG REDAKSI

## **PENAUNG**

SHUKRI BIN ISHAK

## **EDITOR**

MOHD SYAHRIZAN BIN AHMAD

## **AHLI JAWATANKUASA BAHAGIAN KORPORAT**

SAMSURI BIN YUNUS

ARINI BIN SALEH@AMAN

NORMAH BT ABD. GHANI

ROSMI BIN MAMAT

WAN MOHD ZAMAKHSYARI BIN WAN HAMDAN

AMRAM BIN ISMAIL

MOHD NURMAN BIN ABDULLAH

# PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, Buletin Unit JKR KESEDAR Edisi 2018 berjaya diterbitkan untuk tatapan kita bersama. Syabas dan tahniah kepada warga kerja Bahagian Korporat, Unit JKR KESEDAR.

Edisi bagi tahun 2018 adalah coretan peristiwa dan kejayaan yang telah dicapai oleh Unit JKR KESEDAR.

Sekalung tahniah kepada Mantan Pengarah Unit JKR KESEDAR, Ir Mohd Suhaili Bin Ismail yang telah memacu Jabatan ini sehingga mencapai pelbagai kejayaan di peringkat Jabatan mahupun Kementerian.

Semoga usaha dan komitmen seluruh warga Unit JKR KESEDAR terus cemerlang dan gemilang selaras dengan visi dan misi Jabatan pada era Revolusi Industri (IR 4.0).

Sekian.

**“PENCETUS INSPIRASI  
PENJANA TRANSFORMASI”**

Shukri Bin Ishak  
Pengarah Unit JKR KESEDAR



# PENGARAH TERDAHULU UNIT JKR KESEDAR



Ir Mohd Suhaili  
Bin Ismail

1 Dis 2016 - 30 Okt 2018



Haji Nek Jid Bin  
Muhd Zain

2 Jan 2015 - 10 Nov 2016



Ir. Mohd Azhari  
Bin Mohd Salleh

16 Jan 2014 - 29 Sep 2014



Ir. Encik Mohd Nor  
Bin Muda

8 Ogos 2001 - 15 Apr 2005



Ir. Nik Mohd  
Manan Bin Wan  
Abdul Majid

16 Apr 2005 - 20 Nov 2008



Haji Nik  
Burhanuddin Bin  
Nik Yusoff

20 Nov 2008 - 30 Jan 2014



Dato' Ir. Syed  
Abdul Rahman  
Syed Abdullah

1 Mac 1998 - 7 Ogos 2001



Ir. Haji Ghazali Bin  
Hashim

18 Apr 1990 - 20 Mei 1998



Dato' Ir. Haji  
Yusoff

1979 - 1990

## SEJARAH UNIT JKR KESEDAR

Unit ini telah ditubuhkan pada 1 Mac 1978 bersama-sama penubuhan KESEDAR dan diberi nama Bahagian Perkhidmatan Teknik KESEDAR. Semua pegawai dan kakitangannya adalah penjawat KESEDAR melainkan Pengurus Bahagian yang dipinjam dari Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur. Selepas enam (6) tahun iaitu pada Mei 1984 semua pegawai dan kakitangan Bahagian ini telah diserapkan kepada Perkhidmatan Awam di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia dan namanya telah ditukarkan kepada nama baru iaitu Unit JKR KESEDAR.

Unit ini digerakkan oleh 140 orang pegawai dan kakitangan dari pelbagai kategori. Dengan diketuai oleh seorang Jurutera Awam Gred J52 sebagai Pengarah. Unit ini dapat berfungsi sebagai agen pembangunan bagi Kelantan Selatan.

Unit ini beroperasi di dalam kawasan Kelantan Selatan meliputi kawasan seluas 1,234 juta hektar. Ia merangkumi keseluruhan Jajahan Gua Musang seluas 797,976 hektar, Kuala Krai seluas 235,689 hektar, Jeli seluas 128,304 hektar dan sebahagian besar Jajahan Tanah Merah seluas 72,263 hektar. Keluasan ini meliputi 83% daripada keluasan Negeri Kelantan. Rupa buminya berbukit-bukau dan hanya 20% atau 248,000 hektar sahaja yang kecerunannya tidak melebihi 25% sesuai untuk pembangunan.

## INFO KESEDAR

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) merupakan sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah yang ditubuhkan pada 1 Mei 1978 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 (Akta 203). Pelancaran perasmian penubuhannya disempurnakan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia Ketiga pada 5 Mac 1978 bertempat di Kampung Batu Gajah, Tanah Merah, Kelantan. Penubuhan KESEDAR bertujuan mengimbangi komposisi penduduk di antara Kelantan Selatan dengan Kelantan Utara, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Ibu pejabat KESEDAR terletak di Gua Musang merangkumi 3 Wilayah bawahnya iaitu Wilayah Gua Musang, Wilayah Kuala Krai dan Wilayah Jeli.

KESEDAR merupakan sebuah Agensi bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

# CARTA ORGANISASI UNIT JKR KESEDAR

PENGARAH

Bhg. Pengurusan  
Khidmat Sokongan

Bhg. Penyelarasan  
Dan Kewangan

Bhg. Korporat

Bhg. Pengurusan  
Fortfolio (Pmo)

Bhg. Ukur Bahan

Bhg. Arkitek

Bhg. Elektrik

Bhg. Mekanikal

Bhg. Senggara

Bhg. Pengurusan Operasi/  
Pengurusan Projek Utara

Bhg. Operasi  
Utara 1

Bhg. Operasi  
Utara 2


Bhg. Rekabentuk

Bhg. Pengurusan Operasi/  
Pengurusan Projek Selatan

Bhg. Operasi  
Selatan 1

Bhg. Operasi  
Selatan 2

# PERUNTUKAN SEHINGGA 2018



## PECAHAN PROJEK & KOS

Pelanggan	Pra Pembinaan	Pembinaan	Penyerahan	Kos (RM) Juta
KPLB	2	2	2	279.00
JAKOA	2	0	0	169.00
KMM	4	2	0	38.38
KESEDAR	2	3	5	28.55
JPP	0	1	2	7.70
CAW. CERUN	0	0	1	2.0
JUMLAH				524.64

## PECAHAN SENARAI PROJEK – PERINGKAT PRA PEMBINAAN

PROJEK	KOS (RM) JUTA	PELANGGAN
PEMBINAAN JALAN MASUK DARI SIMPANG LADANG SERASA KE KG. LULUT, MUKIM KUALA SUNGAI, GUA MUSANG, KELANTAN.	49.0	KPLB
PROJEK MENAIKTARAF JALAN TANAH MERAH-KUSIAL-KG. IPOH (KM 2.5) TANAH MERAH, KELANTAN.	40.4	KPLB/KESEDAR
PROJEK PEMBINAAN ORANG ASLI ONE STOP CENTER (QAOSC) GUA MUSANG, KELANTAN.	25.0	JAKOA/KESEDAR
KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) DENGAN KUARTERS KARANGAN, KUALA KRAI, KELANTAN.	5.3	KKM
KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) KG. STAR, GUA MUSANG, KELANTAN	6.6	KKM
KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) LIMAU KASTURI, GUA MUSANG, KELANTAN	5.7	KKM
KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) BAHAGIA, KUALA KRAI, KELANTAN	5.0	KKM
KERJA PEMASANGAN SISTEM PENGHAWA DINGIN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TERTUTUP SERBAGUNA KESEDAR, GUA MUSANG, KELANTAN.	950,000.00	KESEDAR
MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH JEJANTAS DI HADAPAN SEKOLAH MENENGAH TENGGU INDERA PETRA 1 (SMKTIP), GUA MUSANG, KELANTAN	890,000.00	KESEDAR
PROJEK PEMAJUAN KAWASAN (PPK) RKT KESEDAR PALOH 2, JAJAHAN GUA MUSANG, KELANTAN	25.0	KESEDAR
CADANGAN MENAIKTARAF JALAN SEDIA ADA DARI RPS KUALA BETIS – POS HAU – POS BALAR – POS BELATIM – POS BIHAI – POS TOHOR – RPS KUALA BETIS, GUA MUSANG, KELANTAN (122.34KM)	40.0	JAKOA/KESEDAR

## PECAHAN SENARAI PROJEK – PERINGKAT PEMBINAAN

PROJEK	KOS (RM) JUTA	PELANGGAN
PROJEK JAMBATAN BARU SUNGAI NENGGIRI, KAMPUNG PULAU SETELU, GUA MUSANG, KELANTAN	40.0	KPLB/CAW. JLN
MEMBINA JALAN DAN JAMBATAN DI KG. PEMBERIAN, KUALA KRAI, KELANTAN.	30.0	KPLB/CAW.JLN
SISTEM BEKALAN AIR UNTUK KLINIK KESIHATAN (JENIS 6) DENGAN KUARTERS, POS BROOKE, GUA MUSANG, KELANTAN	2.4	KKM
MENAIKTARAF PREMIS R&R KUALA BALAH, JELI, KELANTAN	5.5	KESEDAR
KERJA-KERJA PEMBINAAN SISTEM BEKALAN AIR DAN PEMASANGAN PAIP AIR RETIKULASI DI PERKAMPUNGAN RKT CHALIL, GUA MUSANG, KELANTAN.	7.6	KESEDAR
PROJEK KLINIK KESIHATAN DENGAN KUARTERS (KK6) DI POS BROOKE, TANAH TINGGI LOJING, GUA MUSANG, KELANTAN	16.0	KKM
CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH DEWAN SERBAGUNA (TERTUTUP) DI IBU PEJABAT KESEDAR, GUA MUSANG, KELANTAN.	3.9	KESEDAR
MEMBINA 40 UNIT RUMAH MANGSA BANJIR DI GUA MUSANG, KELANTAN.	6.0	NADMA/JPP

## PECAHAN SENARAI PROJEK – PERINGKAT SERAHAN

PROJEK	KOS (RM) JUTA	PELANGGAN
NAIKTARAF JALAN DARI KG. BERDANG KE KG. SG. RUAL MELAYU KE KG. SG. RUAL JELI, KELANTAN (FASA II)	95.0	KPLB/CAW.JLN
KERJA PEMBAIKAN CERUN RUNTUH DAN TANAH MENDAP DI JALAN KG. BERDANG KE KG. SG. RUAL MELAYU KE KG. SG RUAL, JELI, KELANTAN.	1.0	KPLB/CAW.JLN
MEMBINA JAMBATAN ATAS SUNGAI PERGAU MENGHUBUNGKAN KG. BIAK KE KG. KANDEK, KUALA KRAI, KELANTAN.	23.0	KPLB/CAW.JLN
PROJEK PEMBAIKAN CERUN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI MAHLIGAI, KUALA KRAI, KELANTAN.	2.0	KPM/CAW.JLN
PROJEK PEMBAIKAN CERUN DI RKT PALOH 3 KE RKT LEBIR, GUA MUSANG, KELANTAN.	6.3	KESEDAR
MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH MASJID DI RKT LEBIR, GUA MUSANG, KELANTAN.	1.2	KESEDAR
MEMBAIKI DAN MENAIKTARAF MASJID RPT BAHAGIA, KUALA KRAI, KELANTAN.	1.0	KESEDAR
MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH JEJANTAS DI HADAPAN KOLEJ POLY-TECH MARA KESEDAR GUA MUSANG, KELANTAN.	1.5	KESEDAR
CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1 UNIT PEJABAT DAN KANTIN 1 TINGKAT, 4 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT, 1 UNIT RUMAH BANGLO 1 TINGKAT DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI ATAS PT 9, MUKIM SIGAR, DAERAH SIGAR, GUA MUSANG, KELANTAN	3.3	KESEDAR
MEMBINA DAN MENYIAPKAN JAMBATAN KONKRIT (MTB) BARU DI KG. BATU PAPAN, GUA MUSANG, KELANTAN.	1.0	KESEDAR
CADANGAN PEMBINAAN JAMBATAN SEMENTARA SG. NENGGIRI, KG. PULAU SETELU, KM 31 JLN. GUA MUSANG – JELAWANG –JELI, GUA MUSANG, KELANTAN.	875,000.00	

## PROJEK SEBUTHARGA TAHUN 2018

PELANGGAN	BIL. SEBUTHARGA	KOS (RM)
KESEDAR	147	18,040,000.00
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)	15	1,139,000.00
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)	23	3,304,000.00
JUMLAH		22,483,000.00



# Aktiviti Sepanjang Tahun 2018 Unit JKR KESEDAR



# MAJLIS PERLETAKAN BATU ASAS KAWASAN REHAT & RAWAT KUALA BALAH, JELI

Unit JKR KESEDAR DAN KESEDAR telah mengadakan Majlis Perletakan Batu Asas Pembinaan Kawasan Rehat & Rawat Kuala Balah dan majlis telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Mustapa Bin Mohamed (Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri merangkap Ahli Parlimen Jeli).

Turut serta dalam majlis tersebut adalah YB Dato Hj Abdul Aziz Derashid (Pengerusi KESEDAR merangkap ADUN Kuala Balah), YB Dato Hj Mohd Adhan Bin Kechik (Pengerusi LKTN merangkap ADUN Bukit Bunga), YBrs En Iskandar Zurkarnain Bin Ibrahim (Pengurus Besar KESEDAR), YBrs En Mohd Suhaili Bin Ismail (Pengarah Unit JKR KESEDAR), Pegawai kanan KESEDAR dan JKR KESEDAR.

Pembangunan kawasan Rehat & Rawat Kuala Balah di atas tapak seluas 1.3 ekar melibatkan komponen bangunan R&R, dewan serbaguna, surau dan tandas awam. Projek ini berupaya melonjak pembangunan usahawan desa dengan penyediaan 8 ruang niaga untuk menceburi bidang perniagaan apabila siap kelak.

Pengarah Unit JKR KESEDAR telah menyampaikan taklimat projek kepada tetamu kehormat dan mensasarkan projek ini dapat disiapkan pada penghubung bulan Mac 2019.



LAWATAN KERJA KE KOMPLEKS PENTADBIRAN  
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)  
DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK.

Unit JKR KESEDAR dan KESEDAR telah membuat lawatan kerja ke Kompleks Pentadbiran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Kuala Kangsar, Perak di Sungai Siput yang diketuai oleh Timbalan Pengurus Besar Kesedar dan telah disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Objektif lawatan kerja sebagai persiapan awal yang mana Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli telah untuk dilaksanakan di Gua Musang. Pembangunan ini melibatkan pembinaan jalan raya sejauh 173km, Kompleks Orang Asli One Stop Centre dan pembinaan rumah baru dimana pihak KESEDAR sebagai pelaksana.

Objektif lawatan ini sangat Berjaya dan Unit JKR KESEDAR mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kuala Kangsar dan JKR Daerah Kuala Kangsar atas perkongsian maklumat.



PENGHARGAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA KEPADA PASUKAN EMERGENCY RESPONSE  
TEAM (ERT) UNIT JKR KESEDAR

FEBRUARI 2018



Sesi penyampaian sijil penghargaan sebagai menghargai Unit JKR KESEDAR dalam Emergency Response Team (ERT) sepanjang tahun 2017 telah berlangsung di Balai Bomba Dan Penyelamat Daerah Tanah Merah, Kelantan.

Unit JKR KESEDAR diketuai oleh Ketua Ahli Jawatankuasa Emergency Response Team (ERT) yang juga Jurutera Mekanikal, En Mohd Firdaus Bin Rameli Bersama-sama dengan ahli ERT dan Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan telah menerima sijil penghargaan tersebut.



Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKKP) dan Jawatankuasa Emergency Response Team (ERT) berjaya menganjurkan program yang dirancang pada tahun 2017 dengan jayanya.

Majlis juga disusuli dengan perbincangan perancangan program sepanjang tahun 2018. Jawatankuasa Emergency Response Team (ERT) Unit JKR KESEDAR akan terus komited untuk menjayakan perancangan bagi tahun 2018 kerana ianya merupakan tanggungjawab Bersama terutama dalam persediaan Jabatan terhadap keselamatan harta benda, kakitangan dan orang awam.



Pengurusan Unit JKR KESEDAR mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKKP) dan Ahli-ahli Skuad Emergency Response Team (ERT) Unit JKR KESEDAR atas komitmen yang diberi dan juga terima kasih kepada Jabatan Bomba & Penyelamat Daerah Tanah Merah diatas kerjasama ini.

LAWATAN JKR KELANTAN KE PROJEK KLINIK KESIHATAN POS BROOKE, TANAH TINGGI LOJING, GUA MUSANG, KELANTAN.

Unit JKR KESEDAR telah menerima kunjungan pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan ke tapak Projek Klinik Kesihatan Dan Kwarters (Jenis 6) Pos Brooke, Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.

Rombongan seramai 30 orang pegawai dari pelbagai disiplin ini telah disambut mesra oleh Wakil Pegawai Penguasa Projek yang juga Jurutera Awam Kanan Zon Selatan Unit JKR KESEDAR, En Mazlan Bin Makhtar dan disusuli dengan sesi taklimat projek.

Program lawatan sebegini adalah merupakan salah satu wadah perkongsian dan bertukar pandangan ke arah pemantapan pengurusan projek.

Unit JKR KESEDAR sentiasa mengalu-alukan pendekatan sebegini rupa kerana ianya berupaya memperkasakan kompetensi pegawai yang terlibat.



PENUNTUT DI LUAR NEGARA TAMAT LATIHAN DI UNIT JKR KESEDAR

Latihan Industri di Unit JKR KESEDAR bukan sahaja menjadi tumpuan kepada pelajar-pelajar anak jati Kelantan yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi tempatan malah juga menarik minat pelajar-pelajar kelahiran negeri ini yang sedang menuntut diluar negara.

Hari ini diadakan majlis penyampaian sijil tamat latihan yang telah disampaikan oleh Pengarah Unit JKR KESEDAR, Ybrs Mohd Suhaili Bin Ismail kepada Amir Akram Bin Ahmad Najmee, pelajar yang mengikuti Ijazah Pertama dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal di Universiti New Zealand.

Latihan beliau selama 3 bulan di pejabat ini mendapat pengawasan dan bimbingan dari Jurutera Mekanikal, En Mohd Firdaus Bin Rameli.

Unit JKR KESEDAR mengucapkan selamat maju jaya kepada pelajar ini yang akan berangkat kembali ke New Zealand pada 19 Februari 2018 ini untuk menamatkan pengajian beliau.



## KOLABRASI BERSAMA PEMBEKAL MACCAFERRY BERKAITAN KESTABILAN CERUN

Unit JKR KESEDAR telah membuat satu Kolaborasi Bersama pembekal Maccaferry berkaitan kestabilan cerun.

Program ini yang dilihat berupaya mengembangkan pengetahuan dan kefahaman dalam memilih alternative terbaik untuk diimplimentasi dalam rekabentuk sesebuah cerun.

Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah Unit JKR KESEDAR, Ybrs Mohd Suhaili Bin Ismail dan dalam ucapan perasmian beliau menekankan supaya platform sebegini dilihat dalam perspektif yang lebih luas supaya projek JKR dapat dipelbagaikan konsep rekabentuk yang berobjektif menyegerakan tempoh penyediaan, menepati fungsi, mesra alam sekitar dan kualiti terkawal.



### MESYUARAT PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) DENGAN KUARTERS DI KARANGAN, KUALA KRAI

Satu mesyuarat permulaan bagi Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) Dengan Kuarters di Kg Karangan, Kuala Krai telah diadakan.

Selepas mesyuarat permulaan projek terbabit, ahli mesyuarat dan pasukan Unit JKR KESEDAR telah mengadakan satu lawatan ke tapak projek sebenar.





## LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN) KKLW

Unit JKR KESEDAR telah menerima lawatan kerja oleh Ybhg Dato' Azizan Bin Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Luar Bandar & Wilayah ke pejabat ini bagi meninjau tapak Projek Menaiktaraf Jalan Tanah Merah-Kusial-Kg Ipoh (KM 2.5).

Majlis dimulakan dengan taklimat berkaitan projek ini yang disampaikan oleh Ybrs Zainal Bin Abdul Rahman, Jurutera Awam Kanan Unit JKR KESEDAR.

Seterusnya satu lawatan ke tapak projek sebenar turut diadakan.



## PROJEK MENAIKTARAF JALAN TANAH MERAH- KUSIAL-KG. IPOH



## MAJLIS PERHIMPUNAN KAKITANGAN UNIT JKR KESEDAR 2018

Unit JKR KESEDAR telah mengadakan Majlis Perhimpunan Kakitangan bagi tahun 2018. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, nyanyian lagu JKR dan Asma Ul Husna. Bacaan doa oleh En Amran Ismail dan bacaan ikrar Integriti Oleh En Wan Mohd Zamakhsyari Wan Hamdan.

Majlis diteruskan dengan tayangan slide kakitangan bersara, kakitangan bertukar dan kakitangan baru melapor diri.

Ucapan & Amanat terakhir oleh Ybrs Zainal Bin Abdul Rahman, Jurutera Awam Kanan (BPKS) kepada semua kakitangan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada pesara iaitu En Mohd Nazlan Bin Mohd Ayob (Pelukis Pelan JA22) dan Pn Siti Khalijah Bt Che Isa (Pembantu Tadbir P/O N22)

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada kakitangan bertukar iaitu Ybrs Zainal Bin Abdul Rahman akan bertukar ke Cawangan Jalan, Ibupejabat JKR Malaysia sebagai Jurutera Awam Penguasa J52 dan Pn Noor Hartini Binti Mat akan bertukar ke Politeknik Jeli sebagai Jurutera Awam J41.

Majlis diteruskan dengan sambutan hari lahir untuk semua kakitangan yang lahir pada bulan 1&2 dan majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari.





## GOTONG-ROYONG PERSEDIAAN AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PREMIS



Unit JKR KESEDAR telah menganjurkan satu gotong-royong bersempena menghadapi Audit Keselamatan & Kesihatan Pekerja Premis.



Majlis dimulai ucapan aluan oleh Ybrs Zainal Bin Abdul Rahman, Jurutera Awam Kanan dan pengagihan peralatan gotong-royong kepada ketua kumpulan.

Majlis berakhir pukul 12.00 tengah hari dan diakhiri dengan jamuan makan tengah hari.

## TAHNIAH YBRS ZAINAL BIN ABDUL RAHMAN – LANTIKAN KE JAWATAN JURUTERA AWAM PENGUASA J52

Sukacita dimaklumkan bahawa Ybrs Zainal Bin Abdul Rahman, Jurutera Awam Kanan J48 telah dinaikkan pangkat sebagai Jurutera Awam Penguasa J52 dan telah ditempatkan di Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Unit JKR KESEDAR amat terasa akan kehilangan beliau yang begitu komited dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Seluruh warga Unit JKR KESEDAR merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau diatas perlantikan ini. Dengan pengalaman dan kewibawaan yang beliau miliki akan memacu Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia dengan lebih gemilang.



## PERTUKARAN KELUAR - PN. NOOR HARTINI BINTI MAT

Sukacita dimaklumkan bahawa Pn Noor Hartini Binti Mat, Jurutera Awam J41 telah bertukar dan ditempatkan di Politeknik Jeli, Kelantan.

Unit JKR KESEDAR amat terasa akan kehilangan beliau yang begitu komited dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Seluruh warga Unit JKR KESEDAR merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau diatas perlantikan ini. Dengan pengalaman dan kewibawaan yang beliau miliki akan memacu Politeknik Jeli dengan lebih gemilang.



## SALAM PERSARAAN - EN WAN ASRI BIN WAN IBRAHIM



Seluruh warga Unit JKR KESEDAR mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti En Wan Asri Bin Wan Ibrahim, Penolong Jurutera Awam JA36 yang akan menamatkan perkhidmatannya sebagai kakitangan awam pada 11 Mac 2018.

Beliau telah memberikan khidmat dan sumbangan yang amat bernilai kepada Unit JKR KESEDAR khususnya. Semoga beliau dan keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera, sentiasa dirahmati Allah, dikurniakan kesihatan dan kebahagiaan serta mendapat rahmat dan keredhaan Allah S.W.T.

## AUDIT PANEL PENILAI ANUGERAH CEMERLANG KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI UNIT JKR KESEDAR

Unit JKR KESEDAR telah menerima kehadiran Panel Penilai Anugerah Cemerlang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi menilai tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Majlis dimulai dengan ucapan pembukaan oleh Ybrs Mohd Suhaili Bin Ismail, Pengarah Unit JKR KESEDAR dan diikuti kata aluan oleh barisan panel penilai. Seterusnya pembentangan oleh En Iskandar Zulkarnain Bin Azmi, Setiausaha KKP unit JKR KESEDAR.

Barisan panel penilai membuat semakan dokumen bersama Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan unit JKR KESEDAR dengan kehadiran beberapa wakil dari majikan dan juga wakil dari pekerja.

Majlis di teruskan dengan panel penilai diiringi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan unit JKR KESEDAR ke setiap tempat di pejabat ini.

Majlis di akhiri dengan sesi penyampaian cenderahati dan berfoto antara Jawatankuasa keselamatan & Kesihatan unit JKR KESEDAR dengan barisan Panel Penilai Anugerah Cemerlang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.





Majlis penyerahan Projek Pembaikan Cerun Di RKT Paloh 3 KE RKT Lebir kepada pihak KESEDAR yang diwakili oleh Tuan Hj Wan Muhd Rahimi Wan Salleh (Pengurus Bahagian Pembangunan Pertanian) manakan Unit JKR KESEDAR diwakili oleh Jurutera Awam En Wan Fairos Wan Mohd Zawawi. Turut hadir adalah wakil JKR Jajahan Gua Musang dan wakil kontraktor.

Skop projek adalah membaiki runtuh cerun di beberapa lokasi sepanjang jalan di Paloh ke Lebir dan menaiktaraf jalan perhubungan yang lebih selesa ke kampung berdekatan. Projek ini dibawah peruntukan pihak KESEDAR.



## PENYERAHAN PROJEK PEMBAIKAN CERUN DI RKT PALOH 3 KE RKT LEBIR, GUA MUSANG, KELANTAN

## SELAMAT HARI WANITA



Satu majlis ringkas warga wanita Unit JKR KESEDAR telah berlangsung sempena sambutan hari wanita.

Lebih dari satu pertiga dari warga Unit JKR KESEDAR adalah wanita yang semestinya pendokong dan penyumbang kepada kejayaan Unit JKR KESEDAR.

Walaupun ringkas tetapi ianya sangat bermakna dan mengiktiraf bahawa wanita Unit JKR KESEDAR sangat bernilai oleh pihak pengurusan.



## LAWATAN TAPAK & TAKLIMAT TENDER KLINIK KESIHATAN JENIS 7 KG BAHAGIA, KUALA KRAI

Unit JKR KESEDAR telah diberi tanggungjawab untuk membina baru Klinik Kesihatan di Kg. Bahagia, Kuala Krai, Kelantan. Perkhidmatan kesihatan sediada di sini beroperasi di Klinik Desa.

Hari ini lawatan tapak dan taklimat tender telah diadakan di balai raya bersebelahan tapak cadangan projek. Seramai 22 syarikat kontraktor kelas G5 telah hadir ke sesi lawatan dan taklimat tender tersebut.

Objektif lawatan dan taklimat tender adalah untuk memberi pendedahan sebenar berkaitan keadaan tapak, jalan perhubungan dan skop projek kepada petender untuk diambil kira dalam meletakkan harga bidaan kontraktor masing-masing.

Sesi lawatan dan taklimat adalah sebahagian dari prosedur proses perolehan kontrak dan sehubungan dengan sesi ini, pembinaan projek dijangka bermula seawall bulan Mei 2018.



## LAWATAN AGENSI KE TAPAK CADANGAN NAIKTARAF JALAN KG BIAK KE PERALLA

Projek tersebut telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah RMKe11 dan Unit JKR KESEDAR diberi tanggungjawab selaku Pegawai Penguasa Projek.

Sesi lawatan dari agensi yang berkaitan telah diadakan ke tapak projek tersebut pada pagi ini. Objektif lawatan ini untuk semua agensi yang berkaitan bagi memastikan risiko yang mungkin berbangkit di peringkat pembinaan dapat di mitigasi seawall mungkin dan sebagai input penyediaan rekabentuk.



## UNIT JKR KESEDAR JUARA KESELURUHAN KARNIVAL INDOOR GAME MSK JKR KELANTAN 2018

Karnival Indoor MSK JKR Kelantan telah diadakan dengan jayanya di JKR Kelantan. Pada karnival indoor game kali ini telah dipertandingkan 5 acara dengan penyertaan dari 10 pasukan yang terdiri daripada JKR Jajahan, JKR Elektrik, JKR Mekanikal, JKR Kuari, Ibu Pejabat JKR Kelantan dan Unit JKR KESEDAR.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada pasukan Unit JKR KESEDAR kerana telah menjuarai 2 permainan iaitu permainan Dart dan Congkak (Berpasukan) dan 1 naib johan iaitu Permainan Dam (Berpasukan). Dengan kemenangan ini, Pasukan Unit JKR KESEDAR dinobatkan sebagai Juara keseluruhan pada karnival indoor game kali ini.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan YDP MSK JKR Kelantan, Pengerusi Karnival Kejohanan dan YDP KSK Unit JKR KESEDAR yang telah diadakan di bangunan puspanita JKR Kelantan.



## MAJLIS TAMAT LATIHAN INDUSTRI DI UNIT JKR KESEDAR

Unit JKR KESEDAR telah mengadakan majlis bagi meraikan pelajar-pelajar yang akan menamatkan latihan industri di pejabat ini. Majlis telah berlangsung di dewan wawasan, unit JKR KESEDAR, Tanah Merah yang mana telah dihadiri oleh semua pelajar seramai 13 orang dan penyampaian sijil tamat latihan ini telah disampaikan oleh Pengarah Unit JKR KESEDAR.

Dalam ucapan pengarah, Beliau mengharapkan agar kemahiran secara hands-on yang diperolehi dapat meningkatkan keyakinan diri dan kompetensi pelajar-pelajar. Pengisian Latihan Industri di pejabat ini akan diperkemaskan sejajar dengan tuntutan dan perubahan terini. Unit JKR KESEDAR juga akan memperkenalkan Anugerah Pelatih Terbaik di masa akan datang.

Dalam majlis ini juga, diadakan juga pembentangan hasil pengalaman dan pendedahan pelaksanaan cerucuk gerek (Bored Pile) oleh 4 orang pelajar yang bakal menamatkan latihan industri kali ini.

## IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) PERINGKAT UNIT JKR KESEDAR

Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) peringkat Unit JKR KESEDAR telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Wawasan, Unit JKR KESEDAR, Tanah Merah, Kelantan.

Lafaz IBR oleh warga JKR KESEDAR sangat bermakna kerana menunjukkan kesediaan JKR KESEDAR bersama dengan SPRM dalam memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

Majlis dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku, Selamat Sultan dan 1 Malaysia. Bacaan doa oleh En Wan Zamakhsyari Bin Wan Hamdan.



Majlis seterusnya adalah ucapan alu-aluan oleh En Mohd Suhaili Bin Ismail, Pengarah Unit JKR KESEDAR dan diteruskan lagi dengan ucapan oleh Tuan Rostam Bin Abu Hassan, Timbalan Pengarah SPRM Negeri Kelantan. Turut dipertontonkan ialah montaj IBR SPRM. Majlis dihadiri oleh lebih 120 warga JKR Kesedar termasuk dari Zon Gua Musang.

Majlis diteruskan lagi dengan Lafaz IBR dengan penuh kesedaran dan bersemangat diketuai oleh Pengarah JKR Kesedar. dan seterusnya menandatangani IBR disaksikan oleh SPRM serta penyerahan IBR kepada SPRM. Warga Unit JKR Kesedar akan terus memperkasakan integriti dan akauntabiliti dalam melaksanakan amanah sebagai penjawat awam.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar antara warga Unit JKR KESEDAR dengan pihak SPRM



Unit JKR KESEDAR telah mengadakan Majlis Penghargaan dan Anugerah khas kepada kontraktor G1 dan G2 yang merupakan sinonim dengan kontraktor yang baru berjinak dalam mendalami selok belok industri pembinaan projek. Majlis ini telah diadakan di dewan wawasan, unit JKR KESEDAR, Tanah Merah, Kelantan.

Pengarah Unit JKR KESEDAR dalam ucapannya menzahirkan harapan agar mereka ini perlu berdaya saing dalam mentransformasikan sikap serta komitmen supaya seiring dengan harapan kerajaan dan komuniti dalam meningkatkan kecemerlangan penyampaian projek.

Kumpulan ini sebenarnya menjadi tulang belakang kepada prestasi penyampaian projek Unit JKR KESEDAR disebabkan sebahagian besar projek dalam kawasan KESEDAR dilaksanakan oleh Kontraktor G1 dan G2. Mereka ini lebih dekat dengan masyarakat kerana melaksanakan projek jalan kampung, dewan, paip air dan membina rumah PPRT untuk penduduk luar bandar.

Majlis penyampaian penghargaan ini telah disempurnakan oleh YB Gual Ipoh, Hj Bakri Mustapha yang mewakili YB Ahli Parlimen Tanah Merah. Turut hadir ialah En Wan Rakhimi Wan Zahari, Naib Ketua Pemuda Tanah Merah.

Sempena dengan majlis ini, **Syarikat AA Kenchana Enterprise** telah dipilih untuk menerima Anugerah Khas di atas kecemerlangan dalam menyiapkan projek lebih awal dan berkualiti.



## MAJLIS PENGHARGAAN & ANUGERAH KHAS KEPADA KONTRAKTOR G1 & G2

# BENGGKEL HANDS-ON SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB) BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK

Bengkel Hands-On Pengisian Borang SPK Di Bawah Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) bagi pegawai tapak bina khusus untuk kerja-kerja elektrik telah dianjurkan oleh Unit JKR KESEDAR selama dua hari bermula dari 18 April 2018 hingga 19 April 2018 bertempat di dewan wawasan, Unit JKR KESEDAR, Tanah Merah, Kelantan.

Bengkel ini telah memberi pemahaman yang jelas berkaitan dengan pengurusan projek yang berkaitan bidang elektrik kepada 22 orang peserta (Jurutera Elektrik dan Penolong Jurutera Elektrik) dari JKR Jajahan, Pejabat Jurutera Elektrik JKR Negeri Kelantan, JKR Tentera Negeri Kelantan dan Unit JKR KESEDAR.

Penceramah dan pemudah cara bengkel ini dikendalikan oleh Ir Najmudin Mat Nanyan dari JKR Elektrik Negeri Perak dan Puan Merliza Mohd Kassim dari JKR Elektrik Negeri Pulau Pinang.

Majlis penutup dan penyampaian sijil penyertaan telah disempurnakan oleh Pengarah Unit JKR KESEDAR, Mohd Suhaili Ismail.



PENCALONAN PROJEK UNIT JKR KESEDAR DALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI PEMBINAAN CIDB 2018 (MCIEA)

JULAI 2018

MCIEA yang diperkenalkan pada tahun 2000 merupakan anugerah berprestij tahunan industri pembinaan bagi mengiktiraf individu dan organisasi yang menunjukkan kecemerlangan dalam sektor pembinaan.

Antara kategori yang dipertandingkan pada MCIEA kali ini ialah Kontraktor Terbaik, Projek Terbaik, Pencapaian Antarabangsa, Keselamatan dan Kesihatan, anugerah IBS, Inovasi, Jurubina Terbaik dan anugerah Individu.

Sempena dengan pencalonan tersebut, Pengarah JKR Kesedar mengiringi panel penilai ke tapak projek pada 30 Jun 2018 bersama sama dengan pasukan projek dan kontraktor Chengal Jati Sdn. Bhd.



MEMPERKASAKAN HUBUNGAN ANTARA JKR KESEDAR & KESEDAR

Sempena dengan Majlis Raya Kesedar 2018, Pengarah JKR KESEDAR mengambil kesempatan mengunjungi Tuan Pengurus Besar KESEDAR di pejabatnya yang turut disertai oleh Pengurus Kesedar Wilayah Kuala Krai dan Pengurus Kewangan Kesedar. Beberapa perkara telah dibincangkan dalam memastikan KESEDAR dan JKR KESEDAR kekal relevan sebagai agensi pelaksana di kawasan Kelantan Selatan.

Selepas itu Pengarah JKR KESEDAR meluangkan masa hampir sejam bersama staff JKR KESEDAR Zon Selatan dan membincangkan strategi pendekatan dalam menangani projek lewat sebelum bersama sama dengan staff menghadiri Majlis Raya Kesedar 2018 yang diadakan di perkarangan kompleks KESEDAR.



## TINJAUAN PELAKSANAAN PROJEK OLEH PENGARAH UNIT JKR KESEDAR



Pengarah JKR Kesedar mengadakan lawatan ke atas dua projek yang dilaksanakan di Gua Musang sempena lawatan kerja selama dua hari di Gua Musang.

Sebelum itu pada 4 Julai, beliau telah mempengerusikan mesyuarat khas bagi mengenalpasti pendekatan terbaik untuk memastikan pembinaan 100 buah rumah orang asli di kawasan pos pendalaman Jajahan Gua Musang di bawah peruntukan JAKOA berupaya disiapkan dalam tempoh terdekat.

1. Projek Pembinaan Pejabat KESEDAR Lojing, Gua Musang. Projek telah siap tetapi perlukan penambahbaikan.
2. Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (KK6) di Pos Brooke, Gua Musang.

## PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC) JKR 2018

Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia (SOC) Tahun 2018 bertemakan “ASPIRASI JKR PADA ERA REVOLUSI INDUSTRI (IR) 4.0” diadakan pada 7 – 9 Julai 2018 bertempat di Alor Setar, Kedah.

Tema ini signifikan dan bertepatan dengan Aspirasi Pegawai JKR Malaysia dalam meneroka masa depan untuk menempuh dan mendepani IR 4.0 yang bakal tiba.

Persidangan yang bermula pada 7 Julai dan akan berakhir pada 9 Julai 2018 melibatkan penyertaan seramai 400 orang pegawai-pegawai kanan JKR yang terdiri daripada Pengarah-Pengarah Cawangan dan Negeri, Jurutera Daerah, Pegawai Kader yang mengetuai cawangan, bahagian dan unit dari seluruh negara.



UNIT JKR KESEDAR  
NAIB JOHAN ANUGERAH  
KECEMERLANGAN KESIHATAN &  
KESIHATAN PEKERJAAN PREMIS JKR

Sempena dengan Persidangan Pegawai Kanan JKR 2018 di Alor Setar Kedah dari 7 hingga 9 Julai 2018, beberapa anugerah kecermelangan telah dipertandingkan.

JKR Kesedar telah berjaya meraih naib johan bagi kategori Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja bagi Premis Kerajaan.

Anugerah telah disampaikan oleh YB Menteri Kerjaraya Tuan Baru Bian kepada Pengarah Jkr Kesedar. Turut hadir adalah YB Timbalan Menteri Kerjaraya dan Dato' Sri Ketua Pengarah Kerja Raya.



AUDIT PEMANTAUAN DAN MENAIKTARAF  
SISTEM PENGURUSAN KUALITI  
MS ISO 9001:2015



Unit JKR KESEDAR telah mengadakan mesyuarat Audit Pemantauan dan Menaiktaraf Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 pada 08-09 Julai 2018 bertempat di Dewan Wawasan, Unit JKR KESEDAR, Tanah Merah, Kelantan.

Mesyuarat pembukaan disempurnakan oleh En Azly Bin Abdul Aziz, sebelum diserahkan kepada Pn Che Som Bt Yusof bagi pembentangan kepada Juruaudit SIRIM. Seramai tiga orang Juruaudit dari SIRIM yang diketuai oleh En Khairul Azmi Bin Pumijan, En Mohd Faizul Bin Yusof dan En Wan Khairul Anuar Bin Ali terlibat dalam audit kali ini.

Rumusan dari pihak SIRIM diakhir mesyuarat ini telah merumuskan Unit JKR KESEDAR diberikan penarafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dengan beberapa penambahbaikan.

## MAJLIS PENYERAHAN RASMI 15 UNIT RUMAH KEKAL BAHARU (RKB) LIMAU KASTURI, GUA MUSANG



Unit JKR KESEDAR telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan 15 unit RKB di bawah peruntukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Kos projek bagi setiap unit rumah bernilai RM 75,154.00. Jumlah keseluruhan berjumlah RM 1.123 juta. Projek ini telah disiapkan mengikut jadual dan penghuni telahpun mendiami rumah mereka menjelang Aidilfitri yang lepas. Kumpulan sasaran adalah penduduk yang tak berkemampuan untuk membina semula rumah akibat musibah banjir 2014.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh YBhg Dato Ir Rohaizi Mohd Jusuh (Pengarah Bahagian Teknik Dan Infrastruktur NADMA) bersama Pengarah JKR KESEDAR. Turut serta adalah Penolong Pegawai Jajahan Gua Musang, En Nik Ahmad Syazwan Nik Mohamad

## SESI TA'ARUF PELAJAR LATIHAN INDUSTRI UNIT JKR KESEDAR

JKR KESEDAR menerima 10 pelajar dari pelbagai Institusi Pengajian untuk menjalani Latihan Industri. Sebagai meraikan kehadiran pelajar dan mendedahkan pelajar dengan persekitaran alam pekerjaan satu sesi ta'aruf telah di adakan.

Sesi bermula dengan pengenalan diri dan taklimat peranan dan fungsi JKR oleh Pengarah Unit JKR KESEDAR. Tayangan video JKR : DULU DAN KINI juga dipertontonkan. Pelatih juga diberi penerangan berkenaan silibus sepanjang tempoh Latihan Industri.

Unit JKR KESEDAR mengucapkan selamat menjalani latihan kepada semua pelajar semoga pengalaman ini akan berupaya meningkatkan keyakinan diri dan berkeupayaan berkomunikasi secara berkesan serta lain-lain.



## PROGRAM WARGA UNIT JKR KESEDAR BERSAMA PENGARAH

Program tahunan yang menghimpun kesemua kategori perjawatan sebagai platform perkongsian halatuju dan pembentangan pencapaian prestasi sepanjang suku tahun ke2. Program ini dilihat berjaya memperkasakan keutuhan kerja berpasukan disamping memupuk budaya menghargai sumbangan semua warga dalam meletakkan JKR KESEDAR di landasan yang betul.

Program bermula dengan sesi bual bicara bersama Pengarah yang mana pencapaian prestasi jabatan di kupas dan meraikan kejayaan penarafan JKR KESEDAR diperingkat Nasional. Bual bicara juga mengupas cabaran dan kesediaan penjawat awam di JKR KESEDAR untuk bergerak seiring dengan perubahan dan keperluan cara kerja di era Revolusi Industri 4.0.

Sesi berikutnya ialah sumbangan anak kakitangan yang cemerlang dalam akademik dan penghargaan kepada penerima tokoh untuk separuh tahun 2018. Bersama itu juga meraikan pesara dan bakal pesara dikalangan warga JKR KESEDAR yang bersara dan akan bersara sepanjang 2018.

Program di akhiri dengan majlis sambutan hari lahir kepada warga JKR KESEDAR yang lahir antara April hingga Julai.

Rata rata warga JKR KESEDAR melihat program seumpama ini berupaya melonjak kesepakatan dan sikap saling menghormati antara pegawai dan pekerja.





Seluruh warga Unit JKR KESEDAR mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti En. Mohd Rusdi Bin Idris, Penyelia Rancangan Tanah G22 dan Pn. Rosmini Bt Harun yang telah menamatkan perkhidmatannya sebagai kakitangan awam dengan memilih untuk bersara pilihan bermula 01 Ogos 2018.

Beliau telah memberikan khidmat dan sumbangan yang amat bernilai kepada Unit JKR KESEDAR khususnya. Semoga beliau dan keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera, sentiasa dirahmati Allah, dikurniakan kesihatan dan kebahagiaan serta mendapat rahmat dan keredhaan Allah S.W.T.

TAKLIMAT KESELAMATAN DAN  
 CARA PENCEGAHAN KEBAKARAN OLEH  
 JABATAN BOMBA & PENYELAMAT TANAH MERAH

Pasukan ERT Unit JKR KESEDAR bersama Jabatan Bomba & Penyelamat Tanah Merah serta Hospital Tanah Merah telah mengadakan Taklimat Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran di premis Unit JKR KESEDAR Tanah Merah.

Program tahunan ini bertujuan untuk mendedahkan kepada warga Unit JKR KESEDAR akan tindakan dan tindakbalas yang sepatutnya diambil apabila berlakunya kebakaran terutamanya tempoh masa untuk keluar dari premis, laluan kecemasan yang perlu dilalui dan ketersediaan di tempat berkumpul.

Pengarah Unit JKR KESEDAR dalam ucapannya menzahirkan keyakinan akan keupayaan Pasukan ERT Unit JKR KESEDAR yang diwujudkan dan mengucapkan tahniah atas penyertaan yang membanggakan dikalangan warga kerja Unit JKR KESEDAR dalam program tersebut



SELAMAT  
HARI KEBANGSAAN  
2018

Hari Kebangsaan menjadi medan penyatuan rakyat Malaysia dalam menzahirkan semangat patriotisme dan kepentingan perpaduan demi kesejahteraan negara.

Sempena dengan kempen bulan kemerdekaan, Unit JKR KESEDAR tidak ketinggalan menyemarakkan kibaran jalur gemilang.

Pengarah JKR KESEDAR Ir Mohd Suhaili Ismail bersama beberapa orang pegawai kanan telah melekatkan kibaran jalur gemilang pada kenderaan yang melalui jalan di hadapan pejabat JKR KESEDAR.

Bahagian hadapan pagar utama pejabat JKR KESEDAR juga di hiasi dengan kibaran jalur gemilang.

#sayangimalysiaku



LAWATAN CAWANGAN KERJA  
KESIHATAN KE KLINIK KESIHATAN JENIS  
6 POS BROOKE, LOJING, GUA MUSANG

Lawatan diketuai oleh Ar Hasnah Yun, Arkitek Penguasa Kanan bersama wakil HODT (Geoteknik) dan wakil Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

Klinik Kesihatan di Pos Brooke merupakan projek perintis bagi klinik jenis 6 yang menggunakan lukisan PAP. Matlamat lawatan untuk berkongsi isu yang dihadapi dan penyelesaian sebagai lesson learnt yang akan ditambah baik dalam memantapkan dokumen PAP untuk projek yang seumpamanya di masa hadapan.

Taklimat projek dan pembetangan lesson learnt disampaikan oleh Pengarah JKR Kesedar, Ir Mohd Suhaili Ismail.



MAJLIS TAMAT  
LATIHAN INDUSTRI (LI)

Seramai 6 pelajar dari pelbagai jurusan telah menamatkan Latihan Industri di Unit Jkr Kesedar bagi sesi pertama 2018.

Pelajar ini telah diraikan dalam satu majlis yang turut dihadiri oleh Tuan Pengarah Unit Jkr Kesedar, Ir Mohd Suhaili Ismail.

Julung kalinya Jkr Kesedar memperkenalkan Anugerah Pelatih Cemerlang yang di nilai oleh 5 orang panel penilai di mana 30% permakahan di nilai semasa sesi pembentangan hasil latihan oleh pelajar. Pelajar sulung yang dinobatkan sebagai pelatih cemerlang ialah adik Amira Syazwani dari UNIMAS.

Pengarah JKR Kesedar dalam ucapan aluannya mengharapkan pelatih telah pun memanfaatkan ruang tempoh latihan supaya objektif LI telah dicapai seoptimunnya terutama dalam meningkatkan keyakinan diri dalam berkomunikasi dan penyampaian sebenar di alam pekerjaan.

Pengisian majlis turut disertakan dengan pembentangan hasil latihan oleh semua pelatih.





## SALAM PERPISAHAN-PERTUKARAN PN. NORIDA BT MOHAMED & EN. MOHD SHAHARUDIN BIN DAUD

Seluruh warga Unit JKR KESEDAR mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti En. Mohd Shaharudin Bin Daud (Penolong Jurutera Mekanikal JA36) & Pn. Norida Bt Mohamed (Penolong Jurutera Elektrik JA29) yang akan bertukar ke Cawangan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrik Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan berkuatkuasa pada 2 September 2018.

Beliau telah memberikan khidmat dan sumbangan yang amat bernilai kepada Unit JKR KESEDAR khususnya. Semoga beliau terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan seterusnya mengharumkan nama Jabatan.

Selamat Maju Jaya Di Tempat Baru.




## SALAM PERSARAAN EN. RUSLAN BIN MAT HUSSIN

Seluruh warga Unit JKR KESEDAR merakamkan jutaan terima kasih atas khidmat bakti yang telah diberikan oleh En. Ruslan Bin Mat Hussin (Penolong Jurutera Awam JA29) selama berkhidmat sebagai penjawat awam dan di Unit JKR KESEDAR khasnya. Beliau telah menamatkan perkhidmatannya sebagai kakitangan awam pada 09 September 2018 lalu.

Sesungguhnya segala usaha dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorak Unit JKR KESEDAR di kedudukan pada masa ini.

Seluruh warga Unit JKR KESEDAR mendoakan agar En. Ruslan Bin Mat Hussin sentiasa dirahmati Allah S.W.T dan sihat sejahtera bersama keluarga tercinta.

Selamat Maju Jaya dan Selamat Bersara.



## BENGGEL PROJECT LESSONS LEARNED JKR ZON TIMUR 2018

Unit JKR Kesedar telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah kepada bengkel ini yang berlangsung dari 12 – 13 September 2018 bertempat di Dewan Wawasan.

Seramai 40 orang peserta dari Jkr Pahang, Jkr Kelantan dan Unit Jkr Kesedar telah menjayakan bengkel tersebut. Penceramah bengkel ialah Pn Sr Roznita Othman, Pengarah Kejuruteraan, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, IPJKR Malaysia dan fasilitator ialah Sr. Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah juga dari Cawangan yang sama. Turut hadir ialah Wan Zahari Wan Mansor, Jurutera Awam Penguasa dari Jkr Kelantan.

Tujuan bengkel ialah untuk mendokumenkan amalan ‘bad practise’ yang perlu dielak dari terus berulang dan ‘best practices’ yang akan menjadi panduan dalam mengurus sesuatu projek.

Sebanyak 6 bilangan projek telah dijadikan rujukan dalam bengkel ini termasuk projek hospital baru Kuala Krai.

Ucuptama bengkel telah disampaikan oleh Pengarah Unit Jkr Kesedar, Ir Mohd Suhaili Ismail.



## LAWATAN PENGARAH KE UNIT JKR KESEDAR GUA MUSANG

OKTOBER 2018



Sempena dengan Program lawatan ke tapak projek di sekitar daerah Gua Musang, Pengarah Unit JKR KESEDAR, Ir Mohd Suhaili Bin Ismail telah meluangkan masa untuk bersama dengan warga zon selatan, JKR KESEDAR di pejabat JKR KESEDAR Gua Musang, Kelantan.

Beliau telah menzahirkan supaya Unit JKR KESEDAR sentiasa peka dengan tuntutan semasa terutama aspek penyampaian projek.

Warga kerja Unit JKR KESEDAR dituntut untuk terus melengkapkan diri dan menguasai 'management tools' termasuk ICT dalam meningkatkan penyampaian projek.

Majlis perjumpaan ini diakhiri dengan sesi bergambar bersama pengarah.



## PENGIKTIRAFAN MCIEA 2018 – PROJEK UNIT JKR KESEDAR

Anugerah MCIEA 2018 merupakan pengiktirafan pencapaian cemerlang penggiat industri dalam pembinaan diperingkat domestik dan antarabangsa anjuran CIDB Malaysia.

Projek Unit JKR KESEDAR – Projek Pembinaan Jalanraya dari Kg Berdang Ke Kg Sungai Rual Melayu Ke Kg Sungai Rual (Fasa 2), Jeli, Kelantan telah dianugerahkan Projek Terbaik Infrastruktur MCIEA 2018 yang telah berlangsung di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur pada malam 29 September 2018.

Majlis turut dihadiri oleh YB Menteri Dan YB Timbalan Menteri Kerja Raya serta KSU Kementerian Kerja Raya.

Pengarah Unit JKR KESEDAR, Ir Mohd Suhaili Bin Ismail mewakili Unit JKR KESEDAR telah menerima anugerah yang berprestij tersebut dari Dato Seri KSU Kementerian Kerja Raya.



JKR Kelantan telah diamanahkan sebagai tuan rumah untuk HIJ 2018 yang berlangsung di Hotel Grand Renai Kota Bharu dari 1 – 2 Oktober 2018 bertemakan Leveraging Innovation Towards IR 4.0.

JKR kesedar juga terlibat dengan penyediaan kenderaan dan pegawai pengiring dalam majlis tersebut.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Kerjaraya yang turut dihadiri oleh Dato Sri KSU Kerjaraya, Dato Sri PKPR dan pengurusan utama JKR Malaysia.

Sempena dengan majlis ini beberapa pertandingan inovasi telah dipertandingkan termasuk KIK dan inovasi pengurusan projek.

Majlis ini juga diserikan dengan makan malam negeri yang diadakan di pejabat SUK Kelantan dengan kehadiran tetamu kehormat YB. SR. Haji Azami bin Mohd Nor Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur Dan Utiliti mewakili YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar. Turut hadir ialah Dato' Haji Adnan bin Hussin, Timbalan Setiausaha.

Seramai 600 warga JKR dari seluruh pelusuk negara berkampung di Kota Bharu dalam menjayakan program tahunan tersebut.

Turut berlangsung pameran inovasi dan industri yang disertai oleh warga JKR dan para pempamer luar.

Tahniah dan syabas kepada para pemenang inovasi dan JKR Kelantan atas kejayaan menjayakan majlis yang cukup sempurna dan berprestij ini.



HARI INOVASI JKR 2018  
(HIJ 2018)

## PROGRAM UKHUWAH JKR KESEDAR



Pengisian program ini adalah dengan menanam pokok limau nipis diperkarangan pejabat dan gotong-royong mengacau empat kawah bubur as syura.

Program yang dilihat berjaya memperkasakan semangat kerjasama dan memperkukuhkan lagi tali silaturahim dikalangan warga kerja JKR KESEDAR.

Semangat kekitaan terserlah dengan setiap warga dalam suasana ceria dan gembira dalam mengurus program sehingga terhasilnya bubur as syura.



### KOLABRASI BERSAMA JABATAN PERTANIAN MELALUI KAEDAH PERTANIAN MODEN

Kelab Sukan dan Kebajikan Unit JKR KESEDAR dengan bantuan peralatan, benih dan konsultasi Jabatan Pertanian telah memanfaatkan tanah lapang dalam kawasan pejabat untuk dijadikan tapak tanaman sayuran kaedah moden.

Ini bukan sahaja akan menukar landscape kawasan pejabat dari semak samun kepada sayuran hijau tetapi dilihat berpotensi menjanakan pendapatan kewangan Kelab Sukan dan Kebajikan serta wadah kepada seluruh kakitangan Unit JKR KESEDAR yang disasarkan dikalangan kakitangan peringkat pelaksana mempelajari secara praktikal kaedah moden dalam pertanian.

Usaha ini juga secara tidak langsung telah menyokong 'Konsep Hijau' dipremis kerajaan dan penyumbang kepada sumber hasil pertanian.



## MAJLIS PERTUKARAN PENGARAH UNIT JKR KESEDAR

Unit JKR KESEDAR telah mengadakan program 1 jam dalam memori bersempena dengan pertukaran pengarah yang telah diadakan di Dewan Wawasan, Unit JKR KESEDAR Tanah Merah dan dihadiri hampir keseluruhan pegawai dan kakitangan Unit JKR KESEDAR Tanah Merah serta Gua Musang.

Majlis dimulai dengan ketibaan VIP iaitu Tn Iskandar Zulkarnain Bin Ibrahim (Pengurus Besar KESEDAR), En Marzewan Bin Mohamed (Pengurus Bahagian Kewangan KESEDAR), En Azman Bin Mohamad (Timbalan Pengurus KESEDAR Wilayah Jeli) dan En Kamal Badrul Hisham (Pengurus KESEDAR Gua Musang).

Majlis diteruskan dengan perarakan masuk Tuan Pengarah ke dalam dewan diiringi oleh tetamu VIP dan pegawai kanan Unit JKR KESEDAR. Nyanyian lagu Negaraku dan Selamat Sultan dikumandangkan sebelum bacaan doa oleh En Amram Bin Ismail.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan dari wakil pengurusan Unit JKR KESEDAR, En. Muhamad Azly Bin Ab. Aziz. Tayangan Montaj 1 jam dalam memori Tuan Pengarah dipertontonkan kepada seluruh hadirin bagi mengimbuai kenangan Tuan Pengarah sepanjang berada di Unit JKR KESEDAR serta ucapan dari keseluruhan pegawai dan kakitangan Unit JKR KESEDAR.

Seterusnya, Ucapan dan amanat oleh Tuan Pengarah kepada semua hadirin. Ucapan terhenti dikala kehadiran bakal Pengarah baru iaitu En Shukri Bin Ishak.

Majlis diteruskan dengan penyampaian penghargaan kepada pasukan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) premis JKR yang telah dinobatkan selaku Naib Johan keseluruhan.

Penyampaian Cenderahati kepada Tuan Pengarah iaitu Cenderahati daripada seluruh pegawai dan kakitangan Unit JKR KESEDAR, Cenderahati dari Bahagian Ukur Bahan & Kontrak dan Cenderahati dari Pengurus Besar KESEDAR.

Gimik dilakukan sempena dengan majlis ini dengan perarakan masuk troli berisi kek bagi memeriahkan lagi majlis ini.

Sesi Penyerahan dan menandatangani Nota Serah Tugas oleh pengarah kepada bakal pengarah baru, En Shukri Bin Ishak.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dan makan tengah hari.

“Buah Kedondong Buah Kemumu,  
Bukan Untuk Dibuat Jamu,  
Betapa Banyak Jasa mu,  
Tak Terhitung Kebaikan Mu.”



Majlis ini telah diadakan di Dewan Utama Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE) dan dirasmikan oleh Y.Bhg Dato Sri Ir Dr Roslan Bin Md Taha, Ketua Pengarah Kerja Raya.

Tahniah diucapkan kepada pegawai dari pejabat ini yang menerima anugerah dalam majlis tersebut iaitu :-

1. En Muhamad Azly Bin Abdul Aziz  
(Kompetensi Pengurusan Projek Tahap 3)
2. En. Wan Fairos Bin Wan Mohd Zawawi  
(Kompetensi Pengurusan Projek Tahap 3)
3. En. Nik Md. Faisal Faiz Bin Nik Ismail  
(Kompetensi Pengurusan Projek Tahap 3)

Semoga dengan penghargaan ini, semuanya menjadi pegawai JKR yang lebih kompeten dan berjaya dalam setiap bidang kepakaran masing-masing demi menjayakan Visi & Misi JKR.



## GOTONG-ROYONG PERINGKAT UNIT JKR KESEDAR

Program gotong-royong dikalangan warga Unit JKR KESEDAR berlangsung pada hari ini. Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Tuan Pengarah baru, En Shukri Bin Ishak.

Program yang dirancang ini dapat memperkasakan hubungan insani, sikap mementingkan keselesaan dan keceriaan di tempat kerja serta semangat kerjasama berpasukan.





Unit JKR KESEDAR telah menerima lawatan sambil belajar oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JKR Negeri Johor.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Jurutera Awam Kanan (BPKS) En. Mazlan Bin Makhtar. Sesi Pembentangan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Premis oleh Setiausaha JKPP Unit JKR KESEDAR, En. Iskandar Zulkarnain Bin Azmi.

Lawatan ini jika dilihat lebih kepada bagi berkongsi idea dan pandangan antara kedua-dua belah pihak. Selain itu, ianya juga satu medan bagi JKR Johor mengetahui lebih lanjut rahsia kejayaan Unit JKR KESEDAR dinobatkan selaku Naib Johan bagi Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Premis) yang lalu.

Majlis diteruskan lagi dengan membawa delegasi JKPP JKR Johor melawat hampir seluruh premis Unit JKR KESEDAR.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati tanda kenang-kenangan antara kedua-dua belah pihak, sesi bergambar dan jamuan tengah hari.

TERIMA KASIH JKPP Jabatan Kerja Raya JOHOR.



**LAWATAN SAMBIL BELAJAR BERKAITAN  
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN  
(KKP) PREMIS OLEH JKR JOHOR**

## LAWATAN PENGARAH BARU KE UNIT JKR KESEDAR GUA MUSANG

Pengarah Unit JKR KESEDAR, En. Shukri Bin Ishak telah meluangkan masa untuk bersama dengan warga kerja zon selatan di pejabat Unit JKR KESEDAR Gua Musang.

Lawatan ini adalah lawatan pertama kali bagi Tuan Pengarah ke pejabat zon selatan semenjak menjalankan tugas sebagai Pengarah Unit JKR KESEDAR.

Dengan lawatan ini, ianya memberi kesempatan buat warga kerja zon selatan bagi beramah mesra dengan Tuan Pengarah.


Majlis berakhir dengan sesi bergambar bersama Tuan Pengarah.



## KUNJUNG HORMAT PENGARAH KE PEJABAT PENGURUS BESAR KESEDAR

Tuan Pengarah En. Shukri Bin Ishak telah melakukan kunjung hormat terhadap Pengurus Besar KESEDAR, Tuan Iskandar Zurkarnain Bin Ibrahim.

Kunjungan kali ini adalah bagi beramah mesra dan juga merapatkan lagi hubungan antara Unit JKR KESEDAR dan KESEDAR.



## MAJLIS PERASMIAN JALAN KG. BERDANG KE KG. SG. RUAL (FASA 2), JELI, KELANTAN

Majlis Perasmian Projek Naiktaraf Jalan Dari Kg. Berdang Ke Kg. Sg. Rual (Fasa II), Jeli, Kelantan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Haron, Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Majlis turut dihadiri oleh YBhg Dato Sazmi Miah, Pengerusi Lembaga Pengarah KESEDAR, YBrs Encik Iskandar Zurkarnain Bin Azmi, Pengurus Besar KESEDAR, YBrs Encik Shukri Bin Ishak, Pengarah Unit JKR KESEDAR, YBrs Encik Ahmad Amru Bin Yusoff, Jurutera Jajahan Jeli selaku wakil daripada JKR Kelantan serta semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini.

Unit JKR KESEDAR telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan projek ini secara Konvensional (Perunding). Kontraktor yang terlibat adalah Chengal Jati Sdn Bhd melibatkan kos sebanyak RM 82,252,858.18. Projek naiktaraf jalan raya ini telah dimulakan pada 26 Ogos 2013 dan tarikh siap asal pada 26 Ogos 2016. Projek ini telah diberi lanjutan masa sehingga 13 Januari 2017 dan Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 13 Januari 2017.

Majlis diteruskan dengan sesi menandatangani Dokumen Penyerahan Projek dan serahan projek daripada Unit JKR KESEDAR kepada KESEDAR/KPLB dan seterusnya kepada wakil JKR Kelantan.

Projek ini telah mendapat penghargaan/pengiktirafan dalam anugerah Malaysia Construction Industry Excellent Award 2018 (MCIEA) anjuran CIDB dengan menggondol Anugerah Projek Terbaik Infrastruktur.



# MAJLIS PERASMIAN JALAN KG. BERDANG KE KG. SG. RUAL (FASA 2), JELI, KELANTAN

Skop pembinaan projek ini melibatkan perkara-perkara seperti berikut :-

1. Membina jalan standard JKR R3 Modified (Single Carriageway) sepanjang 5.6 km.
2. Membina tiga (3) buah jambatan konkrit merentasi Sg. Rual, Sg. Manok dan Sg. Kalak.
3. Melibatkan kerja letupan bukit-bukit yang melibatkan keseluruhan batu granite.
4. Pembinaan sistem perparitan yang sempurna.
5. Pemasangan semua perabot jalan serta lampu di persimpangan dan peranti kawalan trafik.
6. Kerja-kerja aliran termasuk pembentung-pembentung, sump, longkang tepi jalan, pengaliran bawah tanah, longkang cerun dan struktur-struktur saluran lain.
7. Peruntukan mitigasi perlindungan alam sekitar seperti pembinaan perangkap-perangkap kelodak, mendapan sementara lembangan dan lain-lain.



# MAJLIS PERASMIAN JALAN KG. BERDANG KE KG. SG. RUAL (FASA 2), JELI, KELANTAN

Dengan terbinanya jalan ini, ianya akan :-

1. Menyediakan laluan perhubungan yang sempurna kepada perkampungan (Orang Asli di Kg. Sg. Rual).
2. Meningkatkan taraf sosio ekonomi kepada penduduk-penduduk disepanjang jajaran jalan berkenaan.
3. Memudahkan perjalanan antara kampung-kampung di sepanjang jalan seperti Kg. Berdang, Kg. Sg. Rual Melayu, Kg. Sg. Rual Asli dan Kg. Sg. Long.
4. Menjadi laluan alternatif ke jalan utama Lebuhraya Timur-Barat
5. Memberi keselesaan kepada pelajar dan guru sekolah yang berulang alik ke Sekolah Rendah Sg. Rual.
6. Memudahkan penduduk setempat mengeluarkan hasil tanaman dan ladang seperti getah, sawit dan buah-buah tempatan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pasukan Operasi 3, Unit JKR KESEDAR dan Kontraktor kerana telah berjaya menyiapkan projek ini dengan hasil kerja yang berkualiti dan memuaskan. Semoga warga Jeli, Kelantan dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan ini.



## MAJLIS PERPISAHAN DAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL UNIT JKR KESEDAR

Unit JKR KESEDAR telah menganjurkan Majlis Perpisahan dan Sambutan Maulidur Rasul peringkat Jabatan ini yang telah diadakan di Dewan Wawasan, Unit JKR KESEDAR Tanah Merah.

Majlis ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh tuan pengarah, En Shukri Bin Ishak.

Ucapan perpisahan oleh pegawai yang diraikan iaitu Pn. Siti Aminah Binti Zahari, Juru Ukur Bahan J44.

Majlis penyampaian cenderahati dan memotong pulut kuning pegawai yang diraikan.

Majlis diteruskan dengan slot ceramah sempena sambutan Maulidur Rasul oleh YBrs Ust, Nik Muhamad Bin Nik Lib

Majlis diakhiri dengan Selawat dan jamuan makan tengah hari.





LAWATAN SUB  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK, KPLB  
KE TAPAK PROJEK MEMBINA JAMBATAN BARU  
SG. NENGGIRI, KG. PULAU SETELU,  
GUA MUSANG.



Unit JKR KESEDAR telah menerima lawatan daripada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang diketuai oleh En. Hamidi Bin Zakaria, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik.

Sesi penerangan berkaitan projek ini disampaikan oleh En. Shukri Ishak, Pengarah Unit JKR KESEDAR.

## LAPOR DIRI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI



Selamat datang kepada pelajar-pelajar latihan Industri yang telah melaporkan diri di Unit Korporat. Seramai 9 pelajar dari pelbagai jurusan telah ditempatkan di Unit JKR KESEDAR Tanah Merah dan Gua Musang bagi sesi ini.

Sedikit taklimat ringkas telah disampaikan oleh En. Mazlan Bin Makhtar, Jurutera Awam Kanan BPKS kepada semua pelajar berkenaan. Penyeliaan berkaitan Latihan Industri ini diurus sepenuhnya oleh En. Rosmi Bin Mamat.

Semoga pelajar-pelajar dapat memanfaatkan ruang tempoh latihan ini supaya objektif latihan industri dapat dicapai seoptimum yang mungkin terutama dalam meningkatkan keyakinan diri dalam berkomunikasi dan penyampaian sebenar di alam pekerjaan.

## SALAM PERSARAAN EN. CHE RAHIM BIN MAMAT

Seluruh warga kerja Unit JKR KESEDAR merakamkan jutaan terima kasih atas khidmat bakti yang telah diberikan oleh En.Che Rahim Bin Mamat (Pembantu Awam H11) selama berkhidmat sebagai Penjawat Awam di Unit JKR KESEDAR.

Beliau mula dilantik ke jawatan tersebut pada 1 Oktober 1980 dan akan bersara wajib pada 15 Disember 2018.



Sesungguhnya segala usaha dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorak unit JKR KESEDAR ke kedudukan pada masa ini.

Seluruh warga Unit JKR KESEDAR mendoakan agar En.Che Rahim Bin Mamat sentiasa dirahmati Allah S.W.T dan sihat sejahtera bersama keluarga tercinta.

# SELAMAT MENEMPUIHI ALAM PERSARAAN

## KEJOHANAN FUTSAL KELAB KELUARGA KESEDAR

Team Futsal Unit JKR KESEDAR telah mengambil bahagian dalam kejohanan Futsal Kelab Keluarga Kesedar yang telah diadakan di Gelanggang Futsal KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Program sebegini akan lebih merapatkan lagi hubungan ukhuwah yang sedia terjalin antara pihak KESEDAR & Unit JKR KESEDAR.



## PROGRAM RETREAT PERANCANGAN STRATEGIK BAJET 2019

Pihak KESEDAR bersama Unit JKR KESEDAR telah mengadakan Program Retreat Perancangan Strategik Bajet 2018 bertempat di Cameron Highland, Pahang pada 27 – 29 Disember 2018.

Program ini diadakan bagi memuktamadkan fokus dan sasaran supaya peruntukan yang disalurkan benar-benar tepat dan memberi 'Value For Money' serta mencapai kefungsiannya KESEDAR.

Program ini telah Berjaya mengumpulkan sebahagian besar peserta dari kalangan KESEDAR dan Unit JKR KESEDAR serta pembentangan perancangan projek oleh setiap PTJ.

Pengarah Unit JKR KESEDAR turut membentangkan Modul Teknologi Mixed Rubberised Road kepada pihak KESEDAR sebelum memuktamadkan penggunaan kaedah ini dalam sesebuah projek yang akan dijalankan kelak.

Sejumlah bilangan projek telah dimuktamadkan diakhir RETREAT ini untuk dilaksanakan pada tahun 2019 dan kebanyakannya tertumpu kepada 'Quick Win' projek.





PROJEK KLINIK KESIHATAN  
DENGAN KUARTERS  
DI POS BROOKE,  
TANAH TINGGI LOJING,  
GUA MUSANG, KELANTAN



PROJEK MEMBINA JALAN DAN  
JAMBATAN DI KG PEMBERIAN,  
KUALA KRAI, KELANTAN






**PROJEK PEMBANGUNAN KAWASAN  
REHAT DAN RAWAT (R&R)  
KUALA BALAH, JELI, KELANTAN**



**PROJEK MEMBINA JAMBATAN BARU  
SUNGAI NENGGIRI, KAMPUNG  
PULAU SETELU, GUA MUSANG,  
KELANTAN**



**PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN  
SEBUAH DEWAN SERBAGUNA (TERTUTUP)  
DI IBU PEJABAT KESEDAR, GUA MUSANG**





**BULETIN  
UNIT JKR KESEDAR**

**Jalan Cempaka Merah,  
17500 Tanah Merah, Kelantan**

**Tel: 09-955 7057/09-955 8513/09-955 4009**

**Fax: 09-955 5089**

**[JKRkesedar.jkr@1govuc.gov.my](mailto:JKRkesedar.jkr@1govuc.gov.my)**